

DAP: Kedudukan negatif dalam Fitch Rating bukan alasan laksana GST
Malaysian Insider
Aug 5 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

Kedudukan negatif Malaysia dalam analisis Fitch Ratings bukanlah alasan buat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan, DAP memberi amaran hari ini.

Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP Tony Pua menegaskan Putrajaya tidak seharusnya "menghukum" rakyat Malaysia dengan gejala rasuah dalam kalangan pemimpin dengan memperkenalkan cukai berkenaan sedangkan pembaziran, ketirisan, dan rasuah yang menyebabkan kerajaan mengalami 15 tahun bajet defisit dan hutang yang melambung tinggi.

"Adakah GST akan membantu masalah defisit kerajaan Persekutuan?" soalnya dan menambah langkah itu mungkin sesuai bagi jangka masa pendek, malah itu adalah cara mudah mengurangkan defisit kerajaan dengan memperkenalkan cukai kepada individu.

"Tapi adakah ia hanya menjadi sekadar 'panadol' sementara buat Malaysia namun gagal mengubati 'kanser' dalam kewangan Malaysia?" soal Pua lagi dalam satu kenyataan awal pagi ini.

GST juga jelas Pua hanyalah akan menunda krisis dengan meningkatkan hasil kerajaan, namun jika kerajaan terus berbelanja secara membazir, dan meneruskan kanser kronisme dan rasuah, tiada jumlah cukai yang dapat menampung perbelanjaan negara.

Pua turut mengambil contoh Greece yang tetap gagal mengatasi masalah kebangkrapan, walaupun memperkenalkan GST pada kadar 23 peratus.

"Lebih banyak yang dikutip kerajaan, maka lebih banyak ketirisan akan berlaku," kata ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu lagi.

Selain GST yang menjadi ukuran 'pembaharuan', Pua menegaskan kerajaan perlu melaksanakan sistem yang lebih telus, termasuk pemberian tender terbuka dan juga ketelusan dalam pentadbiran.

Najib juga jelas Pua, tidak seharusnya memperkenalkan beban tambahan dalam pembentangan bajet akan datang dan menambah beban rakyat Malaysia.

"Lapan puluh lima peratus daripada mereka tidak memperolehi pendapatan yang layak bagi membolehkan mereka membayar cukai hari ini," katanya lagi. - 5 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-kedudukan-negatif-dalam-fitch-rating-bukan-alasan-laksana-gst>

